



**TEKS UCAPAN
PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL. 3/2019**

**OLEH
Y. BHG TUAN HAJI ROSELY BIN KUSIP
PENGERUSI RISDA**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA**

**01 JULAI 2019 (Isnin)
Bersamaan 27 Syawal 1440 H
8.30 PAGI**

Bismillahirrahmaanirrahim.

Yang Berusaha Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Nasarudin b. Malek
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Yang Berbahagian En. Abdullah bin Zainal
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA

Yang Berbahagia Tuan Hj. Sopian bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berusaha En. Daman Huri Bin Haji Toha
Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan Selaku penganjur
Perhimpunan Bulanan RISDA pada bulan ini

Pengarah-Pengarah Bahagian

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Serta semua warga kerja RISDA yang dihormati sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera.**

Pendahuluan

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Bilangan 3 tahun 2019 ini. Saya berasa amat gembira dapat bersama dengan semua warga RISDA pada hari ini kerana melalui perhimpunan seperti ini, kita dapat berinteraksi sesama

kita dan saya juga berpeluang untuk menyampaikan isu-isu semasa kepada Tuan/Puan sekalian.

Hadirin sekalian,

Overview Bahagian Pembangunan Usahawan

2. Bahagian Pembangunan Usahawan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat penting dalam organisasi RISDA. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Pembangunan Usahawan merupakan *core business* kedua yang memainkan peranan utama dalam melahirkan serta membimbing usahawan pekebun kecil

bagi mencapai matlamat pendapatan RM 4,000 sebulan sekeluarga pada tahun 2020 di mana RM 2,500 adalah melalui aktiviti keusahawanan dan RM 1,500 adalah daripada Aktiviti Perladangan.

Peruntukan dan Program Keusahawanan

3. Pada tahun 2019, sejumlah RM 27.2 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program Pembangunan Usahawan melibatkan 5 Program utama iaitu Pengurusan Pengeluaran, Pemasaran, Perakaunan , Kewangan dan Pengurusan Sumber Manusia.

Antara aktiviti yang telah dijalankan seperti Aktiviti Ekonomi Tambahan, Pembungkusan & Perlabelan, Groom Big, Pensijilan Halal, Rissmart Mobile serta Aktiviti RISEC.

The New Era of Entrepreneur Division

4. Selaras dengan Tagline '**The New Era of BPU**', gerakan- gerakan pembaharuan dari segi Prinsip, Fundermental, Konsep, Idea mahupun strategi perlaksanaan dalam memenuhi kehendak agenda Pembangunan Usahawan sedang giat dilaksanakan oleh BPU. Ia bermula dengan perlaksanaan GAP Analysis ke atas pendapatan usahawan - usahawan seluruh negara,

mengklusterkan usahawan - usahawan mengikut Bisnes Model dan Jenis Projek masing - masing, Pengurusan Polisi, Struktur Organisasi , Sumber Manusia dan Modal Insan, Pengurusan Sistem Penyampaian yang terarah untuk memenuhi kehendak pasaran.

Risdarians sekalian,

Administration Centric to Marketing Centric

5. Awal tahun ini, saya telah melontarkan idea gerakan transformasi RISDA yang terdiri dari 3 platform iaitu :

1. Membina Hala Tuju Yang Lebih Tepat, Taktikal dan Relevan
 2. Mengenalpasti Jurang
 3. Mengurus Perubahan
-
6. Saya merakamkan berbanyak terima kasih kepada Pengurusan RISDA kerana telah berjaya mengadakan bengkel untuk transformasi ini dan InsyaAllah hasilnya akan diterbitkan dalam bentuk Blueprint sedikit masa lagi.
 7. Berhubung dengan transformasi ini, daripada siri lawatan saya ke negeri – negeri, saya melihat usahawan – usahawan kita

sememangnya mempunyai produk yang mempunyai nilai pasaran yang agak baik terutamanya produk – produk daripada sektor makanan dan pertanian. Masalah yang sering diutarakan adalah masalah pemasaran. Jadi, saya lihat kita perlukan transformasi membina pemasaran yang efektif untuk produk – produk pekebun kecil.

Ledakan E-Commerce

8. Agenda pemasaran utama sekarang ialah kemahiran menggunakan E-commerce. Buat makluman semua, Malaysia mempunyai kadar penggunaan e-Commerce yang tinggi dimana

Malaysia mempunyai **15.3 juta pembeli dalam talian** iaitu 50 peratus daripada penduduk Malaysia dan 62 peratus pengguna menggunakan peranti mudah alih untuk membeli-belah dalam talian. Lazada dan Shopee mendominasi platform e-commerce Malaysia dengan lebih 20 juta transaksi pengguna setiap bulan.

10. Inilah waktu dan ketikanya untuk kita turut serta sepenuhnya dalam e-commerce. Saya amat berharap Bahagian Usahawan mengembangkan sepenuhnya perniagaan usahawan online serta melengkapi pegawai dan pekebun kecil dengan pelbagai kemahiran penggunaan aplikasi, promosi dan pemasaran online.

Hadirin sekalian,

Bersedia Laksana Perubahan Drastik

11. Kita mesti bersedia untuk melakukan perubahan paradigma dari segi pengurusan ekonomi, penggunaan teknologi tinggi, penerokaan pasaran global dan jaringan usahawan antarabangsa. Usahawan Bumiputera tidak boleh berterusan bergantung kepada bantuan Kerajaan. Kita mesti bantu usahawan kita membentuk pelbagai saluran baru untuk mempromosi produk – produk

mereka. Pengurusan perubahan ini akan membawa kepada identity baru usahawan – usahawan RISDA.

Penutup

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin berkongsi mutiara kata ini.

“Sesuatu yang anda inginkan sebenarnya mudah diperolehi jika anda berusaha dan berfikiran positif kerana pasti akan ada jalan untuk mencapainya. Tetapi jika anda memulakan sesuatu kerja

dengan alasan maka pasti kegagalan yang menanti anda di penghujung nanti”

Stay Positive

Stay Fighting

Stay Brave

Stay Ambitious

Stay Focus

And

Stay Strong

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.